Rangka Tindakan Pembangunan PKS Kebangsaan 2006

Rangka Tindakan Pembangunan PKS Kebangsaan 2006 (Rangka Tindakan 2006), iaitu pelan tindakan setahun telah dilancarkan pada 16 Disember 2005 selaras dengan matlamat Kerajaan untuk menyediakan hala tuju pembangunan PKS domestik yang padat dan jelas. Pelan ini akan dilaksanakan oleh Kementerian-kementerian dan Agensi-agensi Kementerian berkaitan yang terlibat dalam pembangunan PKS.

Rangka Tindakan 2006 menyediakan pernyataan yang jelas mengenai tujuan strategik dan fokus Kerajaan untuk pembangunan PKS pada tahun 2006, dan menggariskan:

- Objektif, strategi dan sasaran bagi pembangunan PKS pada tahun 2006;
- Program utama dan komitmen kewangan; dan
- Kementerian dan Agensi yang terlibat dalam pelaksanaan program-program ini.

Bilangan Kementerian dan Agensi yang banyak, yang terlibat dalam pembangunan PKS, akan merujuk kepada Rangka Tindakan 2006 untuk membekalkan hala tuju dan penyelarasan perancangan dasar PKS, serta mengawasi pelaksanaan program PKS dan memantau hasil dan pencapaian pelbagai program itu. Ini juga akan memudahkan Kementerian dan Agensi untuk bekerjasama bagi mencapai hasil terbaik untuk pembangunan PKS, mengurangkan berlakunya pertindihan dan memaksimumkan keberkesanan program.

Sasaran makro telah disediakan untuk memantau pencapaian objektif-objektif itu, dan penunjuk prestasi utama bagi program utama akan dibentuk untuk memantau secara berkesan pelaksanaan yang betul dan keberkesanan program itu.

Dengan objektif dan sasaran yang jelas bagi program-program utama, di samping mempunyai sistem pemantauan dan penilaian yang berkesan untuk mengawasi tahap kemajuan, Rangka Tindakan 2006 merupakan pencapaian yang penting dalam usaha untuk memastikan program-program Kerajaan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan untuk manfaat PKS.

Pada tahun 2006, sebanyak 245 program utama yang melibatkan peruntukan kewangan sebanyak RM3.9 bilion, akan dilaksanakan untuk mempercepat pembangunan PKS. Program ini merangkumi semua sektor, termasuk PKS dalam pertanian dan industri asas tani, dan PKS yang terlibat dalam industri berasaskan pengetahuan. Usaha juga akan ditumpukan pada membangunkan usahawan dan PKS Bumiputera yang progresif dan berdaya tahan.

Gambaran Keseluruhan Pembangunan PKS: Objektif, Strategi, Program Utama dan Komitmen Kewangan pada Tahun 2006



Objektif dan Sasaran untuk Pembangunan PKS

Misi keseluruhan Kerajaan adalah untuk menggalakkan pembangunan PKS yang kompetitif dan berdaya tahan dalam semua sektor bagi meningkatkan sumbangan mereka kepada ekonomi.

Untuk mencapai misi ini, dua set objektif untuk pembangunan PKS telah dikenal pasti, iaitu objektif ekonomi dan objektif sosioekonomi. Perlu ada perbezaan yang jelas antara objektif ekonomi dan objektif sosioekonomi kerana penekanan yang berbeza pada strategi dan program diperlukan untuk mencapai kedua-dua set objektif ini:

Objektif ekonomi:

i) Mempertingkatkan daya maju PKS dalam semua sektor; dan
ii) Menggalakkan pembangunan PKS dalam industri berasaskan pengetahuan.

Objektif ini bertujuan untuk membangunkan PKS yang berdaya maju dalam semua sektor untuk memastikan pencapaian pertumbuhan ekonomi yang meluas dan mapan. Penekanan diberikan pada penggalakan PKS berasaskan pengetahuan, yang juga merupakan satu daripada strategi utama untuk memperkukuh daya saing negara.

Objektif sosioekonomi:

i) Membangunkan usahawan dan PKS Bumiputera yang progresif dan berdaya tahan.

Objektif ini selaras dengan matlamat keseluruhan Kerajaan untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang mapan dan seimbang.

Sasaran makro juga akan ditentukan untuk membolehkan satu penilaian dibuat terhadap pencapaian objektif-objektif ini. Sasaran yang ditetapkan akan mengukur sumbangan PKS kepada KDNK, guna tenaga dan eksport, serta penglibatan PKS Bumiputera dalam perdagangan dan industri. Tambahan pula, sasaran khusus program utama telah juga ditentukan untuk memudahkan penilaian impak terhadap keberkesanan dan jangkauan program PKS.

Strategi dan Program Utama pada Tahun 2006

Kaji Selidik PKS tahun 2001 yang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia menunjukkan bahawa kebanyakan PKS adalah kecil dan mempunyai pandangan yang terhad kepada pasaran dan peluang-peluang setempat sahaja serta menghadapi kekangan dalam keupayaan mengurus dan keupayaan teknologi. Ini telah mengehadkan kemampuan mereka untuk bersaing dan menambah nilai secara berkesan.

Menyedari hakikat ini, progam utama untuk pembangunan PKS pada tahun 2006 telah dirangka untuk menangani cabaran dalaman dan luaran PKS untuk meningkatkan daya saing mereka.

Sebanyak 245 program utama dikenal pasti untuk pelaksanaan pada tahun 2006, untuk mencapai tiga teras strategik, iaitu:

- Memperkukuh infrastruktur yang menyokong pembangunan PKS;
- Membina kapasiti dan keupayaan PKS; dan
- Meningkatkan akses kepada pembiayaan bagi PKS.

Progam utama untuk pembangunan PKS pada tahun 2006 telah dirangka untuk menangani cabaran dalaman dan luaran PKS untuk meningkatkan daya saing mereka.

Memperkukuh Infrastruktur yang Menyokong Pembangunan PKS

Usaha untuk memperkukuh infrastruktur bagi pembangunan PKS ditumpukan ke arah mewujudkan persekitaran yang mampu merangsang dan menggalakkan pembentukan dan pertumbuhan PKS.

Komponen utama termasuk pembaikan infrastruktur fizikal untuk PKS, pembangunan pangkalan data dan direktori, dan penambahbaikan infrastruktur dalam talian, serta mewujudkan sistem akreditasi yang menyokong perniagaan kecil.

Sebanyak 42 program utama akan dilaksanakan pada tahun 2006 untuk memperkukuh infrastruktur bagi pembangunan PKS. Ini termasuk penubuhan Pusat Pengantaraan Francais di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KPUK), pembangunan Piawaian Malaysia dan penubuhan Kelompok ICT oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Membina Kapasiti dan Keupayaan PKS

Sebanyak 170 program utama, termasuk 19 program baru, akan dilaksanakan untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan PKS dalam tujuh bidang keutamaan. Ini merupakan 69% daripada jumlah program utama untuk dilaksanakan pada tahun 2006.

Pembangunan keusahawanan bertujuan untuk menyemai budaya keusahawanan dan merangsang perkembangan usahawan untuk menjadi entiti perniagaan yang lebih besar. Program utama pada tahun 2006 termasuk Program Pakej Perintis oleh KPUK dan program pembangunan usahawan tekno untuk bidang mikroelektronik oleh MOSTI. Langkah-langkah juga akan diambil untuk memupuk sifat keusahawanan di sekolah dan institusi pengajian tinggi. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri akan terus menganjurkan program Anugerah "Enterprise 50" setiap tahun untuk mengiktiraf 50 perusahaan terbaik dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan.

Penambahbaikan dalam pengurusan modal insan melibatkan peningkatan pengetahuan dan kemahiran PKS menerusi program latihan teknikal dan kemahiran perniagaan, memanfaatkan peralatan pembelajaran dan menanda aras untuk pembelajaran yang efektif. Ini termasuk pelaksanaan program pengurusan dan kemahiran teknikal oleh pelbagai Agensi, dan juga pembangunan program latihan kewangan oleh Bank Negara Malaysia pada tahun 2006. Kementerian Sumber Manusia juga memantau pembentukan Sistem Akreditasi Latihan PKS.

Pemasaran dan promosi produk PKS merupakan elemen penting dalam meningkatkan daya saing PKS. Ini melibatkan peruntukan bantuan kewangan dan bukan kewangan untuk pengembangan pasaran, program rantaian dengan pasar raya besar dan syarikat berkaitan Kerajaan, peningkatan penjenamaan, pembungkusan dan reka bentuk produk oleh PKS, dan pengukuhan rangkaian dan pakatan perdagangan. Beberapa pameran dan persidangan untuk mempromosikan PKS tempatan kepada rakan kongsi di peringkat serantau dan antarabangsa akan dianjurkan pada tahun 2006, seperti Pameran Perabot Malaysia Antarabangsa oleh Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, dan SMIDEX 2006 dan Konvensyen PKS ASEAN + 3 oleh Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC). Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan meneruskan program rantaian dengan pasar raya besar untuk menggalakkan pembangunan PKS dalam perdagangan edaran.

Program *peningkatan teknologi,* termasuk peningkatan keupayaan teknologi, peruntukan dana, bantuan teknikal dan kemudahan pembaikan proses, akan membantu PKS meninggikan kedudukannya dalam rantaian nilai, di samping meningkatkan kecekapan operasi dan prestasi PKS. Program utama untuk tahun 2006 termasuk Program Bantuan Teknologi Usahawan Tekno dan Program Pembangunan Keusahawanan Bio oleh MOSTI.

Pembangunan produk untuk PKS tertumpu pada peningkatan dalam ciri dan kualiti produk, serta pembangunan produk baru oleh PKS. Program utama pada tahun 2006 termasuk menyediakan program kewangan dan bukan kewangan untuk menyokong penggunaan dan promosi aktiviti penyelidikan dan pembangunan oleh PKS untuk kualiti dan inovasi produk. Sebagai contoh, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi akan melancarkan skim anak pokok berkualiti untuk pekebun kecil di Malaysia Timur, serta program pembangunan produk baru dan kualiti bagi produk berasaskan kelapa sawit. Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi juga akan meneruskan program pembangunan produk dan teknologi untuk PKS Bumiputera dalam sektor telekomunikasi.

Pelbagai Kementerian dan Agensi masing-masing menyediakan khidmat *nasihat dan perundingan* untuk memberi sokongan teknikal, perniagaan dan pengurusan kewangan kepada PKS dan usahawan. Bank Negara Malaysia menyediakan khidmat nasihat kewangan kepada PKS, dan sedang mengawasi penubuhan Panel Nasihat dan Kaunselor PKS oleh institusi kewangan pembangunan pada tahun 2006.

Untuk memastikan keberkesanan jangkauan kepada usahawan dan PKS, *program kesedaran* dan jangkauan menerusi pelbagai saluran seperti laporan, portal dan jerayawara untuk menyebarkan maklumat kepada PKS akan terus dijalankan. Portal SMEinfo, **www.smeinfo.com.my**, mula beroperasi pada bulan Januari 2006. Portal ini ialah gerbang maklumat dalam talian sehenti untuk PKS, yang menyediakan maklumat komprehensif mengenai program bantuan dan kewangan, dan juga pendaftaran percuma dalam Direktori Perniagaan PKS bagi PKS dan usahawan untuk mengiklankan syarikat dan produk mereka. SMIDEC sedang dalam proses menerbitkan *"Buku Panduan PKS mengenai Dasar, Insentif, Program dan Bantuan Kewangan untuk PKS"* untuk menambah kesedaran terhadap sokongan yang disediakan Kerajaan untuk PKS dalam semua sektor.

Mempertingkatkan Akses kepada Pembiayaan bagi PKS

Bagi mempertingkatkan akses kepada pembiayaan bagi PKS, program Kerajaan pada tahun 2006 akan tertumpu pada menambah ketersediaan produk kewangan dan tabung untuk menyokong keperluan modal kerja dan pelan pengembangan perniagaan PKS. Peruntukan bagi Tabung untuk Makanan telah ditambah sebanyak RM300 juta untuk meningkatkan pengeluaran makanan oleh PKS di Malaysia. Bank Negara Malaysia juga akan mewujudkan dua tabung modal usaha niaga bernilai RM150 juta setiap satu untuk sektor pertanian. Pada bulan April 2006, Bank Negara Malaysia menyediakan peruntukan tambahan sebanyak RM2 bilion dan RM500 juta masing-masing untuk Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 dan Tabung Usahawan Baru 2. Kini, jumlah peruntukan tabung-tabung itu masing-masing sebanyak RM6.75 bilion dan RM2.85 bilion.

Inisiatif untuk meningkatkan akses kepada pembiayaan turut melibatkan pengukuhan pengaturan keinstitusian penyedia pembiayaan PKS. Ini termasuk mentransformasikan Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad supaya mampu memenuhi keperluan pembiayaan dan pembangunan PKS dengan lebih baik, dan juga memperkukuh Bank Pertanian Malaysia untuk meningkatkan keberkesanannya dalam menyokong sektor pertanian dan industri asas tani.